

PRIME B6 TABLET

Vitamin B6 (25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Prime B6
2. Bagaimana Prime B6 berfungsi
3. Sebelum menggunakan Prime B6
4. Cara menggunakan Prime B6
5. Semasa menggunakan Prime B6
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Prime B6
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Prime B6

Ia digunakan untuk rawatan keadaan kekurangan vitamin B6.

Bagaimana Prime B6 berfungsi

Vitamin B6 terlibat dalam beberapa fungsi metabolik dalam metabolisme protein, karbohidrat dan lemak.

Sebelum menggunakan Prime B6

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Prime B6 jika terdapat alahan kepada pyridoxine atau sebarang bahan-bahan yang terkandung dalam Prime B6.

- Sebelum menggunakan Prime B6

Dos tinggi vitamin B6 dalam uterus mungkin menyebabkan sindrom ketergantungan vitamin B6 dalam bayi baru lahir.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan:

- chloramphenicol (untuk jangkitan mata)

- antibiotik (cycloserine, ethionamide, isoniazide or penicillamine)

- hydralazine (untuk penyakit darah tinggi)

- imunosupresan (untuk kanser)

- levodopa (untuk penyakit Parkinson)

Juga, beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Prime B6

- Berapa banyak harus digunakan

Konvulsi bayi akibat kekurangan vitamin B6: 4mg/kg berat badan setiap hari untuk jangka pendek. Rawatan anemia (gangguan darah) akibat kekurangan vitamin B6: Dewasa: 50 – 150mg setiap hari dalam dos berbilang. Sesetengah anemia megaloblastik akibat kekurangan vitamin B6: 100 - 200mg setiap hari. Pencegahan inflamasi saraf yang

disebabkan oleh isoniazid: 150mg setiap hari. Kanak-kanak: 25 - 50mg setiap hari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Prime B6

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Prime B6.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Prime B6 kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Dos tinggi tidak disyorkan tanpa nasihat doktor.

Kesan-kesan sampingan

Pada amnya, Prime B6 adalah senang diterima. Walaupun demikian, sila jumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

npa.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Prime B6

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna putih, berskor atas satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: pyridoxine hydrochloride
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, polyvinylpyrrolidone, magnesium stearate dan dried cornstarch

- Nombor MAL

MAL19912083XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

01/10/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)161117/00320